

BENGKEL TILAWAH AL QURAN : PERKUKUH KARAMAH INSANIAH , ADAB DAN NILAI



Labuan, 12 Februari 2026 – Seramai 36 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah Wilayah Persekutuan Labuan telah menghadiri Bengkel Tilawah Al-Quran yang berlangsung di Bilik Kuliah Masjid Jamek An Nur pada jam 2.00 petang.

Bengkel ini telah dibimbing oleh Ustaz Azhan bin Salleh, Guru Cemerlang Pendidikan Islam dari SK Bebuloh yang memberi pendedahan mendalam tentang teknik tilawah dan taranum.

Program ini bertujuan memperkukuh kemahiran jurulatih sekolah dalam melatih murid yang bakal mewakili sekolah ke Mahrajan Al-Quran peringkat negeri pada 2–3 April 2026 dan seterusnya ke peringkat kebangsaan pada 26–29 Jun

2026 di Negeri Sembilan.

Melalui bengkel ini juga diharapkan para jurulatih dapat meningkatkan mutu bimbingan sekali gus melonjakkan pencapaian murid di pentas negeri dan kebangsaan. Impaknya bukan sahaja melahirkan peserta yang berkualiti, tetapi juga memperkukuh penghayatan al-Quran dalam kalangan generasi muda.

Usaha ini selaras dengan Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035 (RPM) yang menekankan pembangunan Karamah Insaniah, Adab dan Nilai di bawah Teras 2. Tilawah al-Quran bukan sekadar pertandingan tetapi wadah pembentukan sahsiah murid yang beradab, berilmu dan berakhlak mulia. Melalui bimbingan berterusan, bengkel ini diharap menjadi pemangkin kepada pencapaian matlamat RPM dalam melahirkan generasi seimbang dari segi rohani, intelek dan jasmani.

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)

[#tahuninitahunkita](#)











